

Seminar Pengantarabangsaan dan Pemasaran KPT

Transformasi budaya kecemerlangan pendidikan sumbang kejayaan sektor pengajian tinggi

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

PEMBANGUNAN agenda pengantarabangsaan dalam sektor pengajian tinggi bukanlah sesuatu yang baru. Menjadi sebahagian agenda penting dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, ia adalah nadi kepada usaha merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia hub pendidikan tinggi antarabangsa.

Selari dengan pelaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB), agenda pengantarabangsaan turut menjadi fokus sektor pengajian tinggi dalam memainkan peranan kritikal dan komprehensif bagi menyediakan ekosistem inovasi, selain meningkatkan kepakaran tempatan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata aspek pengantarabangsaan mewakili pelbagai dimensi dan ia bukan saja menjurus kepada usaha menarik



kemasukan lebih ramai pelajar asing.

Sebaliknya, beliau berkata, transformasi budaya sebenar kecemerlangan pendidikan tinggi, selain peluasan skop dan aktiviti program pengantarabangsaan dituntut bagi menyumbang kepada kecemerlangan sektor pengajian tinggi secara menyeluruh.

"Kita menetapkan sasaran mencapai bilangan 200,000 pelajar antarabangsa di negara ini menjelang 2020. Bagi mencapai sasaran itu, semua institusi pengajian tinggi perlu memupuk aspek Pengantarabangsaan,

“Kualiti pendidikan perlu ditambah baik secara berterusan seiring dengan keperluan global bagi memastikan keupayaan universiti di negara ini diiktiraf di peringkat antarabangsa”

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

Interbudaya dan Dimensi Global di kalangan pelajar masing-masing.

"Kualiti pendidikan perlu ditambah baik secara berterusan seiring dengan keperluan global bagi memastikan keupayaan universiti di negara ini diiktiraf di peringkat antarabangsa," majlis perasmian Seminar Pengantarabangsaan dan Pemasaran Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Tan Sri Dr Zulkifli A Hassan dan Naib Canselor, Universiti Putra

Malaysia, Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah.



MOHAMED KHALED (kanan) berbincang sesuatu bersama **Zulkifli** (kiri) sambil diperhatikan **Nik Mustapha** di Putrajaya, baru-baru ini.

Seminar bertemakan *Bringing The World to Malaysia and Malaysia to The World* itu julung kali diadakan bagi mengenal pasti permasalahan berkaitan dan meningkatkan kualiti pemasaran dalam mempromosikan sektor pengajian tinggi di luar negara.

Disertai kira-kira 250 peserta di kalangan ahli akademik, agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi, seminar itu turut mengenal pasti strategi dan pendekatan pemasaran terbaik, efektif dan inovatif dalam mempromosikan pengajian tinggi negara.

Mohamed Khaled berkata, keupayaan menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia menjadi bukti pengajian tinggi negara berkualiti dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Katanya, program penga-

jian yang ditawarkan universiti perlu berupaya membangunkan insan secara holistik dan memenuhi keperluan tenaga manusia mengikut pasaran semasa.

"Kita memerlukan modal insan kreatif, produktif, berinovasi dan berkemahiran tinggi bagi meningkatkan kualiti seraya saing negara di peringkat global.

"Namun, sistem pengajian terbaik bukan saja penentu kejayaan itu, sebaliknya keupayaan bakat dan kepakaran pasukan pengurusan pemasaran serta pengantarabangsaan dituntut bagi mengekalkan dan meningkatkan standard sedia ada," katanya.

Katanya, pendekatan Kementerian Pengajian Tinggi amat jelas dengan memastikan kerjasama lebih baik dijalin pelbagai agensi khususnya mereka yang terbabit dalam pemasaran, promosi, hubungan pelajar dan kakitangan serta perniagaan bagi menggariskan strategi pemasaran antarabangsa pengajian tinggi yang lebih berfokus, terancang dan

Beliau berkata, institusi pengajian tinggi tidak lagi wajar melihat pencapaian agenda pengantarabangsaan mengikut perspektif institusi semata-mata, sebaliknya perlu lebih meluas dan merangkumi sektor pengajian tinggi secara keseluruhan.

MDIS IPT swasta Singapura pertama buka kampus o



MUHAMMAD KHALED (tengah) menyaksikan majlis pertukaran perjanjian persefahaman antara MDIS yang diwakili R. Theyvendran (kanan) dan CEO Iskandar Investment Bhd, Arifuddin Ariff di Kuala Lumpur, baru-baru ini

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bharian.com.my

MANAGEMENT Development Institute of Singapore (MDIS), menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) swasta pertama republik itu bakal membuka kampus luarnya di EduCity, Iskandar Malaysia, Johor menjelang 2012.

Kampus MDIS akan dibangunkan di kawasan seluas 11.4 hektar dengan pelaburan sebanyak RM162 juta membabitkan pembinaan infrastruktur fasa pertama.

Pembinaan kampus berkenaan adalah yang kedua membabitkan pembukaan kampus luar selepas yang pertama dibangunkan di Tashkent, Uzbekistan yang menawarkan pendidikan tinggi bertaraf dunia dengan

menyasarkan pelajar dari Asia Tengah.

Kampus yang akan dibuka di Iskandar Malaysia itu akan menawarkan pelbagai bidang pengajian, antaranya pengurusan perniagaan, komunikasi massa, psikologi, pengurusan hospitaliti dan pelancongan, kejuruteraan, teknologi maklumat dan sains hayat.

Ketua Setiausaha MDIS, Dr R. Theyvendran, berkata Malaysia dipilih sebagai lokasi kedua kampus luar berikutan perkembangan pendidikan tinggi yang pesat dibangunkan di Malaysia, selain lokasinya yang berdekatan dengan kampus induk di Singapura.

Sejak lebih sedekad Malaysia berupaya menarik kira-kira 50,000 pelajar luar untuk mengikuti pengajian

“Sejak lebih sedekad kira 50,000 pelajar luar yang ditawarkan sesuatu yang membolehkan mereka memilih Malaysia melanjutkan pengajiannya berpatutan”

yang ditawarkan membabitkan 100 negara. Adalah sesuatu yang membanggakan apabila ramai pelajar luar memilih Malaysia sebagai destinasi mereka melanjutkan pengajian dengan kos yang cukup berpatutan,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman